

14/05/1997

Perdana Menteri tetap ikuti sidang Dewan

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tetap mengikuti persidangan Dewan Negara walaupun tidak berada dalam Dewan.

Perdana Menteri berkata walaupun tubuh badannya tiada dalam Dewan, tetapi dari segi semangat, beliau ada.

"Jangan Yang Berhormat fikir apa-apa soalan yang dikemukakan dan jawapan yang diberi dan tingkah laku YB tidak sampai ke pengetahuan saya," katanya disambut dengan gelak ketawa sebagai reaksi beliau kepada satu kenyataan oleh Senator Yim Chee Chong.

Sebelum mengemukakan soalan kepada Perdana Menteri mengenai rasuah ketika sesi soal jawab, Yim mengambil kesempatan mengucapkan rasa gembiranya dengan kehadiran Perdana Menteri.

"Saya berharap mudah-mudahan Yang Amat Berhormat akan sentiasa bersama kita di Dewan Negara ini untuk memberi galakan kepada kita berkhidmat untuk rakyat dan negara," kata Yim.

Dr Mahathir kemudian berkata: "Saya harap jangan pandang dari segi tubuh badan tetapi pandanglah dari segi semangat." - Bernama

(END)